

Frequently Asked Question (FAQ) Pembaharuan Lesen Lynas Malaysia Sdn Bhd

1. Apakah status lesen operasi Lynas?

Lembaga dalam mesyuaratnya pada 17 Februari 2020 telah bersetuju meluluskan pembaharuan lesen Lynas yang tamat pada 02 Mac 2020.

2. Berapa tempoh lesen yang diberi oleh Lembaga?

Lembaga telah meluluskan permohonan pembaharuan lesen Lynas untuk tempoh selama 3 tahun yang berkuatkuasa dari 03 Mac 2020 hingga 02 Mac 2023.

3. Adakah Lembaga mengenakan apa-apa syarat tambahan?

Bagi lesen yang berkuatkuasa dari 03 Mac 2020 hingga 02 Mac 2023 Lembaga telah mengenakan syarat tambahan (selain syarat sedia ada) seperti berikut:

- i. Pemegang lesen hendaklah memulakan proses pembangunan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility*, PDF) di lokasi bersesuaian pada tahun pertama dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi keperluan perundungan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkenaan. **Kegagalan untuk memulakan pembinaan PDF dan mematuhi garis masa (*milestone*) pembinaan pada tempoh masa yang ditetapkan boleh menyebabkan lesen terbatal.**
- ii. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. **Lembaga berhak menyemak semula keputusan syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai.**
- iii. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu-residu *Water Leach Purification* (WLP) yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari *Lynas Advanced Material Plant* (LAMP) sehingga Julai 2023.
- iv. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji *Cracking and Leaching* di luar negara beroperasi sebelum Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi *Naturally Occurring Radioactive Material* (NORM) ke Malaysia.
- v. Pemegang lesen hendaklah melantik pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan pembinaan loji *Cracking and Leaching* dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga.

- vi. Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di *Lynas Advanced Material Plant* (LAMP) selepas pemindahan proses *Cracking and Leaching* ke Luar Negara.
- vii. Pegangan wang cagaran akan dikekalkan bagi keperluan pematuhan syarat-syarat lesen yang berkaitan.